

Headline	Di puncak impian		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	53	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	325 cm ²
Journalist	Faizul Azlan Razak	AdValue	RM 11,957
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,871



Di puncak impian



■ 2 wanita sertai 6 pendaki kelahiran Terengganu tawan Everest

Oleh Faizul Azlan Razak
am@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

Lapan pendaki termasuk dua wanita anak kelahiran Terengganu teruja apabila terpilih menyertai Ekspedisi Terengganu De' Everest 2015.

Ekspedisi anjuran kerajaan negeri menerusi Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) dengan kerjasama Persatuan Kembara Negara (PKN) itu dijangka mendaki puncak gunung tertinggi dunia itu pada Mei tahun depan.

Lapan pendaki terbabit adalah Mohd Anuar Mohd yang berasal dari Hulu Terengganu, Mashelmie Sidik (Dungun), Mohd Izzat Ilman Zahari (Besut), Mohd Red-

zauidin Ismail (Besut), Ahmad Saharudin Abdullah (Kemaman), Mohd Azhari Abdul Wahad (Hulu Terengganu), Nor Asma Fadzila Mansor (Kuala Terengganu) dan Wahida Amalin Masngun (Hulu Terengganu).

Pendaki termuda, Wahida Amalin, 21, berkata dia begitu teruja apabila terpilih dalam kalangan 100 peserta yang menghadiri pemilihan bulan lalu dan tidak akan melepaskan peluang keemasan yang diberikan.

Pelajar jurusan Diploma Perakaunan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Dungun berkata, dia sedar akan berdepan pelbagai cabaran berliku untuk menawan puncak gunung itu, tetapi ia bukan halangan untuk melakukannya.

“Walaupun saya baru berjinak dalam dunia pendakian ini, ia bukan bermakna saya tidak mampu untuk sampai di puncak gunung tertinggi dunia ini. Antara gunung yang sudah didaki seperti Gunung Kinabalu, Gunung Berembun dan Gunung Stong.

“Keyakinan saya sekarang cukup tinggi untuk menawan gunung tertinggi ini dan saya jadikan pendaki wanita pertama negara ini, Marina Ahmad yang menjejak kaki di puncak gunung sebagai idola,” katanya ketika ditemui selepas pelancaran Ekspedisi Terengganu De' Everest 2015 yang disempurnakan Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Maz-

lan Ngah, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Sumber Manusia negeri Rozi Mamat serta Ketua Ekspedisi Datuk Khalid Yunus.

Bagi Nor Asma Fadzila, 28, pula dia berterima kasih kepada kerajaan negeri yang menganjurkan ekspedisi itu yang membolehkannya mencapai cita-cita untuk menawan gunung tertinggi dunia itu.

Katanya, dia yakin dengan latihan yang sudah dirancang PKN, matlamat utama untuk sampai di puncak gunung akan menjadi kenyataan.

“Saya akan buat yang terbaik kerana ini adalah peluang yang tidak mungkin datang berkali-kali. Justeru, saya akan melakukan dengan bersungguh-sungguh bukan saja untuk mencipta rekod tersendiri, malah membawa nama negara dan Terengganu,” katanya.

FAKTA
Pendaki termuda,
Wahida Amalin
berusia 21 tahun

Headline	Di puncak impian		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	53	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	325 cm ²
Journalist	Faizul Azlan Razak	AdValue	RM 11,957
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,871



LAPAN penanda utama dan lima penanda sokongan bakal menyertai Ekspedisi Terengganu De' Everest tahun depan.